

## Program Sekolahku Syurgaku: Program Meningkatkan Peratusan Kehadiran Dalam Kalangan Murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Norsham binti Hasan

Sekolah Kebangsaan Gangsa, Melaka  
[aamdinamik@gmail.com](mailto:aamdinamik@gmail.com)

### ABSTRAK

Kehadiran murid ke sekolah merupakan salah satu elemen penting dalam keberhasilan dan kemenjadian murid. Hadir lewat dan juga ponteng ke sekolah merupakan fenomena biasa yang sering berlaku dalam kalangan murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Fenomena ini akan memberi kesan terhadap peratusan kehadiran kelas PPKI dan secara tidak langsung akan menjelaskan keseluruhan peratusan kehadiran sekolah. Program Sekolahku Syurgaku dijalankan untuk meningkatkan peratusan kehadiran murid PPKI ke sekolah. Program Sekolahku Syurgaku ini dilaksanakan ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) SK Gangsa dengan memperkenalkan *Dashboard* Kehadiran yang dipaparkan di sudut Sekolahku Syurgaku. *Dashboard* kehadiran ini merangkumi katagori-katagori berikut iaitu kehadiran penuh murid,murid terbaik,kelas terbaik dan peratus kehadiran mengikut bulan semasa. Pelaksanaan amalan baik ini telah berjaya meningkatkan peratusan kehadiran murid MBPK serta dapat menambahbaik amalan kehadiran murid MBPK ke sekolah. Di samping itu, amalan terbaik ini didapati mampu membantu guru pendidikan khas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah dan berkesan. Amalan terbaik ini diharapkan diimplementasikan terhadap semua murid MBPK SK Gangsa secara konsisten supaya masalah ketidakhadiran murid dapat diatasi sepenuhnya.

**Kata kunci:** Peratusan Kehadiran Murid MBPK, Program Sekolahku Syurgaku

---

### Pengenalan Amalan Terbaik

Ponteng ialah sebagai bilangan ketidakhadiran ke sekolah tanpa sebab dalam sesuatu tempoh masa (Stuphen et al., 2009). Menurut Zhang et al., (2010) pula menyatakan ponteng ditakrifkan sebagai penglibatan yang menjadi amalan dalam kegiatan tidak hadir ke sekolah tanpa sebab oleh pelajar di mana itu ini menjadi perhatian dalam kalangan ibu bapa, pendidik dan masyarakat. Menurut Norzawati et al., (2016), di Malaysia, ponteng sekolah dilabelkan sebagai salah satu masalah utama negara. Laporan Parlimen Malaysia (2018) juga menunjukkan, ponteng sekolah berada di tangga teratas direkodkan dalam salahlaku sepanjang tahun 2017 yang meliputi 1.4% (67,053 pelajar) daripada 5 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia (Parlimen Malaysia, 2018).

Dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti, *Key Performance Indicator* (KPI) kehadiran murid perlu dilaksanakan sepenuhnya dan diberi keutamaan oleh

semua pihak. Penetapan 95 peratus kehadiran murid oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dilihat mampu memberikan kesan kepada kemenjadian murid seperti mana yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dengan kehadiran murid ke sekolah, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dijalankan dan defisit pembelajaran berupaya dikurangkan. Berdasarkan pemerhatian awal yang dibuat dalam kalangan murid PPKI SK Gangsa didapati murid hadir lewat dan ponteng yang secara langsung akan menjaskan peratusan kehadiran. Jadi, Program Sekolahku Syurgaku diperkenalkan bertujuan untuk menarik minat murid untuk hadir ke sekolah.

Disiplin adalah teras dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Oleh itu, SK Gangsa juga tidak terlepas dengan isu yang berkaitan dengan disiplin seperti ponteng, bergaduh, memeras ugut, datang lewat dan sebagainya. Namun isu yang paling membimbangkan adalah permasalahan kelewatan ke sekolah dan ponteng yang semakin meruncing. Melalui Program Sekolahku Syurgaku ini, pelbagai aktiviti yang telah dirancang untuk menarik minat murid untuk datang awal ke sekolah. Antara aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan ialah aktiviti *Sport Stacking, Dashboard kehadiran, intervensi kelas berisiko* keciciran murid yang tinggi, Program mentor mentee dan ziarah cakna. Di harapkan dengan adanya program ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan peratusan kehadiran ke sekolah.

### **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

Sesi sumbangsaran bersama para guru PPKI SK Gangsa telah mencetuskan idea untuk melaksanakan Program Sekolahku Syurgaku dengan memberi perhatian terhadap permasalahan ketidakhadiran atau ponteng murid PPKI SK Gangsa ke sekolah. Data kehadiran murid PPKI pada tahun 2018 menunjukkan peratus kehadiran murid adalah sebanyak 89.15 %. Data sedia ada menunjukkan kejayaan seseorang murid seringkali dikaitkan dengan kehadiran atau keberadaan mereka di sekolah. Ianya sedikit sebanyak mempengaruhi peningkatan akademik dan sahsiah diri sekaligus dapat menghalang pengaruh gejala yang tidak sihat daripada menular. Jika kehadiran murid ke sekolah mencapai peratusan yang tinggi, maka pembelajaran akan berlangsung dan pencapaian akademik akan berada pada tahap yang memberangsangkan dan membanggakan. Murid yang hadir ke sekolah berpeluang untuk fokus dan mengikuti aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dan bagi murid yang tidak hadir mereka akan tercincir dalam pelajaran. Menurut Dr. Anuar Ahmad, Pakar Pendidik dari Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM, 2021), Keciciran Pendidikan merujuk kepada murid-murid yang telah berhenti sekolah manakala keciciran pembelajaran merujuk kepada murid-murid yang kerap tidak hadir atau ponteng sekolah, murid-murid yang tidak memberikan tumpuan pada pengajaran dan murid-murid yang mempunyai prestasi pencapaian yang sangat rendah. Biasanya kumpulan yang mengalami keciciran pembelajaran adalah jauh lebih besar berbanding keciciran Pendidikan (Utusan Malaysia, 5 Dis 2021 ).

Biasanya murid-murid yang sering lewat dan ponteng sekolah ini kebanyakannya daripada murid yang sama. Hal ini berkaitan dengan ibu-bapa yang menghantar anak ke sekolah. Mereka tidak merasakan ponteng sekolah itu adalah masalah disiplin dan menganggap tindakan pihak sekolah adalah tindakan yang

remeh. Mereka menggunakan pelbagai alasan untuk tidak menghantar anak ke sekolah seperti lambat bangun tidur, faktor cuaca, masalah kenderaan dan sebagainya. Pada setiap pagi, guru kelas akan mendapatkan makluman daripada pihak ibu bapa atau penjaga tentang ketidakhadiran anak masing-masing kelas melalui saluran Whatsapp Kelas PPKI. Saya dapati alasan yang mereka berikan hampir sama setiap kali anak mereka tidak hadir ke sekolah. Oleh yang demikian, saya membuat kesimpulan bahawa ketidakhadiran ke sekolah di sebabkan faktor kesihatan, tiada minat ke sekolah, masalah persekitaran dan masalah ibu bapa. Namun, isu ini amat membimbangkan, perlu bertindak memikirkan kaedah yang efektif dalam meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Oleh itu, intervensi yang akan kami lakukan untuk meningkatkan peratusan kehadiran dengan melancarkan Program Sekolahku Syurgaku. Melalui program ini, kami telah merancang untuk meningkatkan minat murid untuk hadir ke sekolah. Diharapkan dengan adanya program ini, peratus kehadiran murid ke sekolah akan dapat ditingkatkan.

### **Objektif Pelaksanaan**

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Meningkatkan peratusan kehadiran MBPK sekolah melalui Program Sekolahku Syurgaku.

### **Amalan Terbaik yang Dilaksanakan**

Sebelum menjalankan amalan terbaik ini, pelan perancangan yang teliti telah dibuat terlebih dahulu agar lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan. Dengan itu, matlamat amalan terbaik saya dapat dicapai dengan betul dan tepat. Ekoran daripada itu, saya telah membuat rujukan dan juga keberkesanan intervensi-intervensi bagi membolehkan amalan ini dilaksanakan dalam membantu murid murid saya. Intervensi yang digunakan adalah melalui Program Sekolahku Syurgaku. Berikut adalah perancangan dalam melaksanakan intervensi ini :

#### **Langkah 1**

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>
1	Analisa dokumen kehadiran tahun 2018. Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal
2	Perbincangan bersama guru kelas dan Guru Penolong Kanan PPKI Perbincangan intervensi awal
3	Merangka program
4	Menjalankan program
5	Menjalankan tinjauan keberkesanan program terhadap peningkatan kehadiran
6	Refleksi
7	Menulis laporan amalan terbaik
8	Pembentangan dapatan amalan terbaik

## Langkah 2

### Melaksanakan Tindakan Amalan Terbaik

#### i. Program Sekolahku Syurgaku

Dashboard Kehadiran (seperti Rajah 1.0) dipamerkan di " Sudut Sekolahku Syurgaku" di dalam kelas PPKI. Dashboard tersebut memaparkan kehadiran penuh murid, murid terbaik, kelas terbaik dan peratus kehadiran mengikut bulan semasa. Borang kehadiran murid akan dicatat setiap hari oleh guru bertugas mengikut kelas, jantina dan bangsa murid. Analisa daripada borang kehadiran setiap bulan akan dipamerkan di *Dashboard* kehadiran tersebut. Pertandingan kelas terbaik dan juga tokoh murid akan dinilai setiap minggu oleh guru bertugas dan pemilihan akan dibuat berdasarkan pemarkahan yang telah diberikan. Seramai 4 orang tokoh murid akan terpilih setiap bulan dari kelas yang berbeza dan ganjaran individu akan diberikan. Manakala bagi Kelas terbaik, ganjaran secara kumpulan akan diberikan seperti di Rajah 2.0. Bagi ganjaran individu, perhargaan berbentuk alatulis manakala Kelas terbaik berbentuk wang RM 5.

Unit HEM PPKI SK Gangsa, telah meletakkan banner Jom datang ke Sekolah di pintu masuk kelas PPKI. Banner tersebut menyenaraikan kedudukan kelas mengikut peratus kehadiran murid dengan menggunakan tanda warna yang berbeza iaitu warna merah menunjukkan amaran iaitu peratus kehadiran murid bagi bulan tersebut di bawah 90%, warna kuning bagi kelas yang mencapai peratus antara 90 hingga 94% ke atas manakala warna hijau bagi kelas yang mencapai peratus kehadiran ke sekolah melebihi 95%. Guru kelas akan bertindak dengan mengeluarkan surat amaran sekiranya murid tidak hadir sebanyak 3 kali/ hari. Surat amaran pertama akan dikeluarkan sehingga surat amaran ke tiga. Kunjungan cakna akan dilakukan sekiranya murid tersebut masih lagi tidak dapat hadir setelah surat amaran ke tiga dikeluarkan. Guru akan ke rumah murid tersebut sekiranya tidak dapat menghubungi ibubapa atau mereka tidak dapat memberi kerjasama kepada pihak sekolah.

**Rajah 1.0**  
*Dashboard Kehadiran*



**Rajah 2.0**  
*Murid Terbaik Mengikut Kelas*



**ii Sport Stacking**

Permainan Sport Stacking telah di perkenalkan di kalangan murid-murid PPKI. Setiap hari, murid-murid PPKI akan berlatih untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam permainan ini. Semua murid akan diuji dan diberi peluang untuk bermain permainan ini. Pada setiap waktu pertama hari Selasa dan Rabu, semua murid akan bermain *Sport Stacking* di kelas masing-masing dengan dipantau oleh guru penasihat. Perlawanan sesama individu akan dibuat. Ini menyebabkan mereka sentiasa bersaing untuk lebih baik dalam permainan mereka. Mereka juga akan memasuki pertandingan *Sport Stacking* di peringkat daerah dan peringkat negeri Melaka seperti di Rajah 3.0. Dengan adanya latihan *Sport Stacking*, mereka akan hadir ke sekolah lebih awal setiap hari. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan peratusan kehadiran murid ke sekolah.

**Rajah 3.0**  
*Murid PPKI Menyertai Pertandingan Sport Stacking*



**iii Intervensi Kelas Berisiko Keciciran Murid yang Tinggi**

Berdasarkan *dashboard* tersebut, kelas yang mendapat kedudukan paling bawah akan dikumpulkan di ruang Cempaka. Setiap murid dibacakan analisa peratus kehadiran masing-masing. Murid-murid yang tidak hadir melebihi 10 hari berkala akan menjalani sesi intervensi kelompok dengan guru kelas. Guru kelas akan

mengenalpasti kes murid mengikut kategori keluarga, sekolah atau rakan. Murid yang memerlukan kes individu akan dibuat tindakan susulan sebaik sahaja selepas perjumpaan sesi kelompok. Selain itu, guru kaunseling akan menjalani sesi konsultasi dengan guru-guru kelas untuk mendapatkan maklumat mengenai bilangan surat amaran yang telah dikeluarkan dan sejauh mana tindakan yang telah diambil untuk guru kaunseling membantu dari aspek konsultasi keibubapaan pula.

#### **iv Program Mentor Mentee**

Kelas PPKI telah melaksanakan Program mentor mentee seperti Rajah 4.0 yang bertujuan untuk mewujudkan interaksi antara guru dan murid. Melalui program ini, guru akan membimbing, menyokong dan memberi nasihat kepada setiap murid. Guru kelas akan menjadi mentor kepada murid dengan dibantu dengan Guru Pembantu. Mentor bukan sahaja menumpukan perhatian terhadap fizikal dan psikologi menteenya, namun juga membimbing, memberi penghargaan, kasih sayang dan mengasah kemahiran-kemahiran lain seperti membuat keputusan, menghadapi masalah atau mengatasi tekanan dan berusaha membimbing menteenya menjadi individu yang boleh berdikari.

**Rajah 4.0**  
*Program Mentor Mentee*



#### **v. Ziarah Cakna**

Guru kelas akan bertindak untuk pergi ke rumah murid-murid sekiranya ibu bapa tidak dapat dihubungi atau ibu bapa yang tidak dapat memberikan kerjasama kepada pihak sekolah.

#### **Keberkesanan Amalan Terbaik ( Meningkatkan Peratusan Kehadiran Murid ke Sekolah Melalui Program Sekolahku Syurgaku)**

Melalui Program Sekolahku Syurgaku yang telah dilaksanakan, peratusan kehadiran murid ke sekolah dapat diperingkatkan. Berlaku peningkatan peratusan kehadiran murid ke sekolah penggal pertama 2019 berbanding penggal pertama 2018 melalui aktiviti *Dashboard Kehadiran Murid ke Sekolah*. Ranking kelas akan disusun setiap bulan dan dipamerkan di sudut di dalam kelas untuk tontonan warga PPKI. Murid-murid dari ranking teratas akan bersaing untuk mendapatkan ganjaran kelas manakala murid-murid dari kelas ranking terbawah akan diletakkan di bawah zon

pemantauan. Keberkesanannya Program Sekolahku Syurgaku dapat dijelaskan melalui Jadual 1.0 dan Jadual 2.0.

**Jadual 1.0**  
*Jadual Kedatangan Murid PPKI SK Gangsa 2018*


**Meningkatkan Peratusan Kehadiran Murid Sekolah.**

Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Purata
89.05%	88.89%	90.29%	90.56%	89.74%	86.63%	89.15%

Analisis peratus kehadiran murid ke sekolah pada tahun 2018

**Rajah 5.0 :**  
*Peratus Kehadiran Murid PPKI SK Gangsa 2018*

PERATUSAN KEHADIRAN MURID PPKI SK GANGSA 2018




**Jadual 2.0**  
*Jadual Kedatangan Murid PPKI SK Gangsa 2019*

Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Purata
92.57%	90.00%	92.50%	90.27%	91.07%	90.28%	91.20%

## Analisis Peratus Kehadiran Murid ke Sekolah pada Tahun 2019

**Rajah 6.0**  
*Peratus Kehadiran Murid PPKI SK Gangsa 2019*



### Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan kepada analisa dokumen yang telah dilakukan, terdapat peningkatan kehadiran pada tahun 2019 iaitu sebanyak 91.20 peratus berbanding pada tahun 2018 iaitu sebanyak 89.15 peratus iaitu peningkatan kehadiran sebanyak 2.05%. Pada Januari 2019, Program Sekolahku Syurgaku telah dilancarkan. Program ini telah menarik minat murid untuk hadir ke sekolah. Hal ini dibuktikan dengan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 92.57 peratus. Namun berlaku penurunan pada bulan Februari iaitu sebanyak 90.00 peratus iaitu penurunan sebanyak 2.57%. Sejajar dengan ini, Intervensi Kelas Berisiko Keciciran Murid Yang Tinggi dan Program Mentor mentee dilaksanakan. Manakala pada bulan Mac 2019, peningkatan peratus kehadiran berlaku secara ketara iaitu 92.50 peratus. Peningkatan ini berlaku kerana terdapat beberapa penganjuran pertandingan seperti Sport Stacking. Namun berlaku penurunan peratus kehadiran pada bulan April sebanyak 90.27 peratus. Ini disebabkan murid tidak hadir selepas perlawanan Sport Stacking dijalankan. Namun begitu, Ziarah cakna telah dilaksanakan supaya murid berminat untuk hadir ke sekolah. Selain itu, ia bertujuan untuk mendapat kerjasama daripada ibubapa untuk menghantar anak ke sekolah. Melalui program yang telah dijalankan, terdapat kesan positif di kalangan murid MBPK Sk Gangsa iaitu berlaku peningkatan peratusan kehadiran dalam tahun 2019. Program Sekolahku Syurgaku walaupun dapat meningkatkan kadar kedatangan murid PPKI SK Gangsa ke sekolah, namun perlu ada aktiviti-aktiviti pengukuhan seperti *sport stacking*, mentor mentee dan ziarah cakna bagi melestari motivasi murid untuk hadir ke sekolah.

Memandangkan kajian ini boleh membawa perubahan diri yang positif terhadap kehadiran murid ke sekolah, Program seperti ini boleh dilaksanakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah dan guru-guru di aliran perdana untuk melaksanakan Program Sekolahku Syurgaku dengan menggunakan responden

daripada kelas yang berlainan. Diharap melalui penerusan kajian ini dapat mengurangkan amalan ponteng sekolah dalam kalangan murid SK Gangsa secara keseluruhan. Seterusnya, pengkaji mencadangkan supaya kaedah motivasi instrinsik digunakan untuk memastikan kehadiran murid ke sekolah dapat terus dikenalkan. Motivasi instriksik ini dapat dipupuk untuk memperkuuhkan tingkah laku yang diingini. Ini bergantung kepada kemahiran guru untuk menggunakan pujian kepada murid. Ia akan memberi kesan kepada kehadiran murid di mana mereka akan merasa dihargai dengan kehadiran mereka ke sekolah. Peneguhan positif ini memerlukan kemahiran yang tinggi di kalangan guru. Sekiranya guru mahir memberikan pujian terhadap tingkah laku murid yang hadir, akan mewujudkan motivasi instrinsik dalam diri murid untuk terus hadir ke sekolah. Guru mahir menggunakan pujian untuk memperkuuhkan tingkah laku yang diingini telah dapat memupuk motivasi intrinsik pelajar mereka.

## Rujukan

- Ahmad Fadhullah Adnan (2021, 5 Disember). Utusan Malaysia Online. Bahan diakses pada 12 April 2022 daripada <http://www.Utusan.com.my>.
- Norzawati Yoep, Leni Tupang, Ahmad Nadzri Jai, Lim Kuang Kuay, Faizah Paiwai, Noor Safiza Mohd Nor. (2016). Prevalence of truancy and its associated factors among school-going malaysian adolescents: Data from Global School-Based Health Survey 2012. Kuala Lumpur: Scientific Research Publishing Inc.
- Parlimen Malaysia. (2018). Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Bil. 11 (21 Mac 2018). Parlimen Ketiga Belas Penggal Keenam, Mesyuarat Pertama. [Online]: <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-21032018.pdf>. (akses pada 02 Mac 2020).
- Stephen, R. D., Ford, J. P., & Flaherty, C. (2009). Truancy interventions: A Review of the research literature. *Research on Social Work Practice* 000(00) 1-11 The Author(s) 2009Reprints and permission:  
<http://www.sagepub.com/journalsPermissions.nav>  
doi: 10.1177/104973150934786.
- Zhang, D., Willson, V., Katsiyannis, A., Barrett, D., Ju, S., & Wu, J. Y. (2010). Truancy offenders in the Juvenile Justice System: A multicohort study. *Behavioral Disorders*, 35(3), 229–242.